



PENYERTAAN MyINOVASI 2014, PUTRAJAYA

Sukacita dimaklumkan Produk MySEL-09, Tangga Laluan Lepas Diri Mangsa Kebakaran (TeTANGGA) telah memenangi pertandingan MyInovasi 2014 Peringkat Zon Selatan dan akan bertanding di Peringkat Nasional Disember nanti. Dengan bertemakan Inovasi Berbudai Masyarakat Lestari, produk MySEL-09 ini telah meraih hadiah kemenangan dan Geran Inovasi bernilai RM5000.00 di Putrajaya pada 11-12 Oktober 2014.

Untuk makluman, produk MySEL-09 ini telah berjaya melepasi saringan dikalangan 1500 produk lain yang mewakili IPTA, IPTS, Institut Perguruan, Politeknik dan Kolej Komuniti di seluruh Malaysia. Alhamdulillah PMM berjaya menempatkan diri untuk ke Kemuncak Inovasi 2014, Putrajaya dibawah penganjur KPM, ISI dan Perbadanan Putrajaya.

Sekalung Tahniah dan terima kasih kepada semua yang memberikan sokongan dan galakan kepada pelajar yang menjayakan produk ini. Terima kasih kepada JKA, UPIK dan PMM kerana memberi ruang dan peluang untuk kami merelisasikan impian memastikan produk ini berada di kediaman dan rumah kita suatu masa nanti.

